



**KETUA SETIAUSAHA NEGARA
MALAYSIA**

Jabatan Perdana Menteri
Aras 4 Blok Timur, Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya

Tel : 603-88727211
Faks : 603-88894479

Rujukan : JDN.100-1/3/1 (19)
Tarikh : 12 Ogos 2025

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN PEKELILING PENDIGITALAN PERKHIDMATAN AWAM
BILANGAN 1 TAHUN 2025 – PENGURUSAN PORTAL/LAMAN WEB AGENSI
SEKTOR AWAM**

Sukacita saya menarik perhatian YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan, Jabatan Digital Negara telah menyediakan Pekeliling Pendigitalan Perkhidmatan Awam Bilangan 1 Tahun 2025 - Pengurusan Portal/Laman Web Agensi Sektor Awam yang mengandungi perkara-perkara yang perlu diberi perhatian serta diambil tindakan oleh Agensi-Agensi Kerajaan.

3. Dengan berkuat kuasanya Pekeliling Pendigitalan Perkhidmatan Awam Bilangan 1 Tahun 2025 - Pengurusan Portal/Laman Web Agensi Sektor Awam ini, maka dokumen dasar berkaitan portal/laman seperti di bawah adalah dibatalkan:

- a. Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU (SAKP) Bilangan 2 Tahun 2009: Garis Panduan Pelaksanaan Blog Bagi Agensi Sektor Awam.
- b. Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU (SAKP) Bilangan 3 Tahun 2009: Panduan Penyediaan Berita *Online* Dan Penyiaran Berita *Online* Di Laman Web Portal Agensi-Agensi Kerajaan.
- c. Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU (SAKP) Bilangan 4 Tahun 2009: Garis Panduan Pembangunan Kandungan Sektor Awam.
- d. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bilangan 2 Tahun 2015: Pengurusan Laman Web Agensi Sektor Awam.
- e. Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU (SAKP) Bilangan 2 Tahun 2015: Garis Panduan Pelaksanaan Rasionalisasi Laman Web Sektor Awam.

- f. Surat Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (SPKPA) Bilangan 1 Tahun 2019: Penyeragaman Lokasi dan Reka Bentuk Pautan Borang Aduan dan Maklum Balas dalam Laman Web Agensi Sektor Awam.

4. Saya berharap perkara ini dapat diberi keutamaan dan tindakan segera untuk memanjangkan kepada jabatan/agensi berkaitan pekeliling ini dan arahan ini berkuat kuasa serta merta.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(TAN SRI SHAMSUL AZRI BIN ABU BAKAR)